

07/04/1998

Tiada maaf bagi ahli amal politik wang

JITRA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ahli Umno, termasuk ketua bahagian yang menang dalam pemilihan Jawatankuasa Umno bahagian baru-baru ini akan dikenakan tindakan jika mereka didapati bersalah dalam kegiatan politik wang.

Perdana Menteri berkata, Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti akan menyiasat laporan yang diterima dan menghukum mereka yang didapati bersalah.

"Sekarang Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan kita pun ada buat siasatan. Kalau didapati seleweg kita akan ambil tindakan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Kubang Pasu, di sini hari ini.

Beliau juga berkata, persidangan semua bahagian yang berakhir semalam berjalan lancar walaupun banyak laporan mengenai penyelewengan dan kegiatan tidak sihat sepanjang tempoh persidangan.

Selain itu, katanya, ramai yang mengikut nasihat supaya tidak ada pertandingan bagi memastikan tidak berlaku perpecahan dalam parti.

Mengenai kesangsian sesetengah pihak mengenai kemampuan Umno menyiasat dan mengambil tindakan terhadap ahli terbabit, sekali gus menyukarkan Umno membendung politik wang, Dr Mahathir berkata, Umno bukan pakar dalam bidang berkenaan dan hanya boleh membuat siasatan berdasar bukti yang ada.

"Jika dapat bukti yang jelas kita bertindak. Kalau ada yang buat laporan pada polis, itu tugas polis untuk siasat dan kita tak halang."

"Kalau serah kepada pakar pun tak boleh tentukan. Sebab itu dalam dunia ada jenayah yang terlepas begitu sahaja. Jadi kita jangan kata ada beberapa kes terlepas maka sistem tak kena," katanya.

Beliau juga berkata, Umno akan menyiasat dakwaan terhadap Ketua Umno bahagian Selayang, Datuk Saidin Thamby yang dikatakan menerima wang RM1 juta yang dimasukkan dalam akaunnya oleh seorang ahli bahagian itu.

(END)